

Rakyat sukar beli rumah kerana harga pasaran tinggi

# Kaji polisi pinjaman

Oleh **NAZWIN IZAN AHMAD NAZRI**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 17 MEI**

**B**ANK Negara diminta mengkaji semula polisi pemberian pinjaman yang telah ditetapkan supaya mengikut situasi ekonomi negara masa kini sebagai inisiatif baharu membantu pengguna mengurus kewangan.

Presiden Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (Ikhlas), **Mohd. Ridzuan Abdullah** berkata, polisi sedia ada sudah tidak relevan dengan keadaan ekonomi semasa iaitu sebagai contoh, harga yang ditawarkan pemaju adalah lebih tinggi berbanding harga pasaran.

"Harga pasaran seharusnya RM300,000 tetapi mereka meletakkan pada kadar RM500,000. Bank pula hanya menetapkan pinjaman perumahan pada nilai pasaran semasa.

"Perkara itu menyebabkan pengguna perlu membayar duit pendahuluan dengan harga tinggi sehingga sesetengah mereka enggan membeli rumah dan sanggup hidup menyewa," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Yang Dipertua Persatu-

an Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur (PKPKL), Samsudin Mohamad Fauzi memohon Bank Negara menyemak semula syarat-syarat pinjaman yang telah ditetapkan kepada semua institusi perbankan di negara ini.

Katanya, semakan syarat pinjaman itu untuk membantu pengguna yang tertekan dan memerlukan suntikan modal dalam memulakan krisis kewangan isi rumah.

Menurut Mohd. Ridzuan, Bank Negara bukan sahaja perlu memudahkan urusan pinjaman tetapi perlu memberi pinjaman yang tinggi kepada pengguna mengikut keperluan ekonomi sekarang yang semakin meningkat.

Katanya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan seharusnya meletakkan garis panduan kepada pemaju supaya mereka tidak sewenang-wenangnya meletakkan harga rumah, selain menguatkuasakan tindakan itu bagi mengelakkan penipuan berlaku.

Dalam pada itu, beliau turut menyalurkan tindakan segelintir pemaju



**MOHD. RIDZUAN**

yang meletakkan nilai tinggi berbanding harga pasaran sehingga menyebabkan rakyat sukar memiliki rumah sendiri.

Tambahnya, ekoran daripada itu, rumah-rumah mewah yang terdapat di negara ini dimiliki warga asing yang diberi peluang untuk membeli perumahan di sini, malah mereka sanggup mem-

bayar dengan harga tinggi kerana dianggap sebagai pelaburan masa hadapan.

Sementara itu, Pensyarah Kewangan Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Dr. Annuar Md. Nassir** memberitahu, bagi mengelakkan masalah pembiayaan tersebut terutama dalam isu perumahan, Bank Negara seharusnya memberikan pembiayaan pinjaman yang tinggi kepada pengguna yang pertama kali membuat permohonan untuk membeli rumah.

"Pangkalan pemilikan rumah tersebut haruslah yang dipercayai dan diyakini 100 peratus supaya tidak berlaku masalah di kemudian hari," ujarnya.